

02/05/2014 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MARA 2013

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MARA 2013

**PADA 02 MEI 2014; 8:30 PAGI
DEWAN UTAMA, ARAS 6,
MENARA MARA, KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Terima kasih saudara pengerusi majlis

YBhg. Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad

Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW);

YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA);

Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Ahli-Ahli Majlis MARA;

Setiausaha-Setiausaha Bahagian KKLW;

Ahli-Ahli Pengurusan MARA dan Pengarah-Pengarah Institusi Pendidikan MARA;

Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 MARA;

Dato'-Dato',

Datin-Datin;

Rakan-Rakan Media;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga MARA yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu izinkan saya memanjat rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MARA bagi tahun 2013. Majlis APC pada pagi ini merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga MARA yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dan yang lebih penting, memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan dan rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) ini adalah satu bentuk penghargaan Kerajaan terhadap kecemerlangan perkhidmatan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang komited dalam melakari dan menyelusuri kecemerlangan perkhidmatan demi kejayaan diri, organisasi, bangsa dan negara. Bahkan dalam skop yang lebih luas, APC merupakan salah satu langkah ke arah membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.
3. Pada hari ini kita berkesempatan untuk meraikan kejayaan **855 warga MARA** yang cemerlang bagi tahun 2013. Tahniah saya ucapkan. Semoga anugerah dan penghargaan ini menjadi pemangkin dan pendorong dalam usaha untuk meneruskan kecemerlangan dalam bidang tugas masing-masing.

4. Saya juga dimaklumkan bahawa Majlis APC MARA 2013 pada kali ini diadakan dengan gabungan 124 bahagian dan pusat-pusat di MARA. Ini merupakan salah satu usaha dan jalinan kerjasama yang baik kerana ia bukan sahaja dapat memastikan perbelanjaan berhemah tetapi secara tidak langsung dapat mengoptimumkan sumber-sumber yang ada. Kolaborasi seumpama ini juga dapat memberi peluang kepada seluruh warga MARA untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara satu sama lain. Syabas diucapkan.
5. Tahniah dan penghargaan juga saya tujukan kepada warga MARA lain, yang turut berganding bahu dan bersama-sama memberikan perkhidmatan yang terbaik ke arah matlamat yang sama.

AGENDA TRANSFORMASI NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Tahun ini adalah merupakan tahun ke-4 Agenda Transformasi Negara dilancarkan. Kerajaan akan terus komited dalam meneruskan Agenda Transformasi Negara yang telah dilaksanakan sebelum ini iaitu melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan Program Transformasi Sosial.

Program Transformasi yang dilaksanakan adalah bersifat struktur (*structural*), iaitu kepada dasar negara dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berupaya meningkatkan daya saing negara. Tambahan pula dalam keadaan ekonomi dunia pada masa ini, program seumpama ini akan memberikan kelebihan atau nilai tambah kepada negara-negara yang melakukan transformasi.

7. Melalui landasan ini, negara kita akan berupaya untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kukuh. Sehubungan dengan itu, sebagai penjawat awam kita seharusnya berperanan untuk mendukung dan melaksanakan Dasar Transformasi Negara supaya Malaysia menjadi sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

8. Tuan-tuan dan puan-puan mesti tertanya-tanya apakah hubungan diantara Dasar Transformasi Negara dengan penjawat awam? Secara amnya, kedua-dua perkara ini memainkan peranan yang penting secara bersama. Transformasi yang dilakukan akan berupaya untuk meningkatkan daya saing negara di samping menjanakan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif. Secara tidak langsung, ini akan memungkinkan Kerajaan untuk mempertimbangkan insentif dan kemudahan-kemudahan lain untuk menjaga kebajikan penjawat awam secara khususnya.

9. Dalam usaha kita ke arah transformasi negara, para hadirin sekalian diingatkan sekali lagi bahawa perkhidmatan awam merupakan komponen penting dan penghubung dalam menterjemahkan visi Kerajaan kepada program transformasi yang akan dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, tuan puan perlulah menjadi agen penyampai yang terbaik kepada rakyat.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM (MPA)

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya percaya dan yakin anda semua sedia maklum Merakyatkan Perkhidmatan Awam merupakan salah satu agenda yang dibawa selaras dengan arus transformasi negara yang turut meliputi sektor perkhidmatan awam. Ia berpasakkan kepada enam prinsip iaitu:

- i. Insaniah;
 - ii. Keterbukaan;
 - iii. Turun Padang;
 - iv. Kekitaan;
 - v. Musyawarah (*Engagement*); dan
 - vi. Kerjasama Awam-Swasta-Badan Bukan Kerajaan (NGO).
11. Keenam-enam prinsip ini adalah merupakan kata kunci dan salah satu usaha transformasi Kerajaan sebelum memasuki fasa Wawasan 2020. Kewajaran prinsip-prinsip ini adalah bagi menjadikan perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang lebih berkonsepkan dalam memahami kehendak dan keperluan rakyat. Penjawat awam juga adalah rakyat, dan seharusnya sedar dan mengetahui keperluan dan kehendak rakyat dari semasa ke semasa.
12. Jika kita memperhalusi piagam pelanggan MARA yakni sentiasa amanah dalam melaksanakan perkhidmatan yang berintegriti, berkualiti dan berkesan untuk memudahkan sistem penyampaian, salah satu prinsip yang boleh diberi penekanan yang khusus adalah pendekatan **musyawarah atau engagement**. Warga MARA seharusnya berupaya dan sentiasa berhubung (*engage*) dengan pelanggan melalui landasan atau platform yang bersesuaian. Prinsip ini dapat dilakukan dengan adanya pendekatan musyawarah (**engagement**) dengan menitikberatkan jalinan ukhwah dengan pihak berkepentingan lain dalam mencari formulasi yang terbaik demi kepentingan bersama. Oleh yang demikian, saya suka menggalakkan pegawai kerajaan untuk mengamalkan lawatan 'turun padang' dengan kerap agar dapat mendengar pandangan dan pendapat, menyelami permasalahan serta mendapat maklum balas bukan sahaja daripada pelanggan malah daripada warga kerja masing-masing. Ia juga bertujuan untuk melihat dengan mata sendiri keadaan para penjawat awam ketika mereka sedang bertugas.

MEMPERKASA TADBIR URUS DAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya bersyukur dan berbangga kerana mempunyai sebuah Kerajaan yang berwawasan jauh dan komited dengan pelbagai usaha transformasi yang dilakukan demi kelangsungan kejayaan dan kemakmuran negara ini. Kendatipun begitu, dalam usaha transformasi yang dilakukan ini kita seharusnya juga memberikan perhatian yang khusus dalam memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti perkhidmatan awam. Saya sering kali mengingatkan bahawa, **nilai keperibadian integriti yang tinggi** hendaklah menjadi pegangan kukuh dan sentiasa diamalkan oleh semua anggota organisasi bagi menjamin keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, seterusnya meningkatkan produktiviti masing-masing.
14. Usaha transformasi yang dilaksanakan tidak akan memberikan sebarang pengertian, jika integriti perkhidmatan awam berada di tahap yang rendah. Tahap kemajuan sesebuah negara bukan sahaja dinilai daripada aspek kekukuhan ekonomi tetapi merangkumi aspek ketelusan dan integriti yang dimiliki institusi-institusi negara tersebut termasuklah institusi sektor awam. Sekiranya penjawat awam tidak membudayakan nilai keperibadian integriti yang tinggi maka nilai kepercayaan rakyat terhadap penjawat awam akan mula diragui dan pembangunan serta usaha transformasi negara pasti tidak akan berjaya.
15. Saya juga suka mengingatkan para penjawat awam dan diri saya sendiri terhadap **konsep kerja sebagai suatu ibadah**. Penghayatan terhadap konsep ini bukan sahaja membawa kepada kesedaran tanggungjawab di dalam sesuatu tugas atau pekerjaan kita tetapi ia secara tidak langsung memberikan peningkatan dan keseimbangan diri dalam aspek jasmani dan rohani.

PERANAN MARA DALAM GTP

16. Pada tahun ini, genap 48 tahun penubuhan MARA. Dalam usia MARA ini, banyak yang telah disumbangkan oleh MARA kepada negara amnya dan bumiputera khususnya. Antara sumbangan besar MARA adalah dalam bidang Keusahawanan dan Pendidikan. Antara individu-individu terkemuka yang

mempunyai kaitan dengan MARA samada mendapat tajaan pendidikan atau pembiayaan perniagaan adalah seperti :

- i. **Tan Sri Arshad Ayub** yang merupakan pengarah pertama Institut Teknologi MARA (ITM) sejak tahun 1967 sehingga 1975;
- ii. **Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor** yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Sains MARA Muar,
- iii. **Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary** yang mendapat pembiayaan MARA untuk mengembangkan perniagaan pengangkutan lori; dan
- iv. **Dato' Seri Abdul Wahid Omar** iaitu bekas pelajar MRSM Seremban dan mendapat tajaan MARA untuk melanjutkan pelajaran keluar negara.

17. Kita seharusnya berbangga dengan MARA kerana sumbangan dan pencapaian terhadap negara adalah amat besar sekali. Namun begitu seharusnya kita beringat dengan kata-kata dan pesanan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri kita yang pernah mengingatkan bahawa *“Di samping kita bersyukur melihatkan kemajuan yang dicapai oleh kaum Bumiputera, janganlah pula kita lupa atau abaikan gejala-gejala yang boleh melambat atau mematahkan kemajuan yang telah dan akan tercapai. Walaupun tiada siapa boleh menafikan bahawa MARA telah banyak menyumbang kepada peningkatan prestasi Bumiputera dalam bidang ekonomi, tetapi pencapaian Bumiputera adalah rendah berbanding usaha dan peruntukan yang diberi”*. Semoga kata-kata dan pesanan itu akan terus dijadikan pendoman dan inspirasi dalam membantu untuk meningkatkan pencapaian dan prestasi Bumiputera di negara ini.

18. Selaras dengan Program GTP, MARA juga telah melancarkan program transformasinya pada tahun 2011 iaitu Kerangka Transformasi Strategik MARA 2011 - 2020 dan Pelan Strategik MARA 2011 – 2015 yang merupakan sebahagian daripada kerangka tersebut. Pelan strategik ini akan menjadikan

MARA sebagai sebuah organisasi yang mampu untuk melaksanakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

19. Pada Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang pertama pada September 2013 yang lalu, Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa sejak Merdeka, semua perancangan serta dasar ekonomi Melayu dan Bumiputera oleh pihak Kerajaan telah digubal berasaskan komposisi masyarakat majmuk di negara kita. Secara prinsipnya, perkara dan amalan ini telah diterima pakai sebagai satu kontrak sosial sejak sekian lama oleh seluruh rakyat Malaysia, seperti mana dipersetujui oleh bapa-bapa pengasas negara kita terdahulu yang dilindungi dan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

20. Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera ini memberi fokus kepada lima strategi utama iaitu:

- i. Mendaya Modal Insan Bumiputera;
- ii. Memantapkan Pemilikan Ekuiti Bumiputera Dalam Sektor Korporat;
- iii. Memperkukuh Pemilikan Aset Bukan Kewangan Bumiputera;
- iv. Memperhebat Keusahawanan Dan Perniagaan Bumiputera; dan
- v. Memantapkan Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan.

Sehubungan dengan itu, MARA perlulah mempertingkatkan infra dan infostrukturnya supaya program-program yang telah dirancang boleh dilaksanakan dengan jayanya. Saya berharap, hasrat ini dapat direalisasikan dengan adanya penglibatan dan penggembengan tenaga daripada semua peringkat di MARA kerana ianya merupakan program untuk survival bumiputera. Ini juga secara tidak langsung seiring dengan misi MARA dalam menerajui bidang

keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk mempertingkatkan penguasaan ekuiti Bumiputera.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MARA 2013, kerana telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dan terbaik untuk organisasi.

22. Saya berharap agar hadirin semua akan terus memberikan komitmen untuk menjayakan dan melaksanakan agenda negara demi kesejahteraan bersama. Kekalkan semangat bekerja dalam sebuah pasukan atau sebagai sebuah keluarga yang muhibah dan terus bersatu hati dalam mempamerkan kecemerlangan serta prestasi kerja warga MARA yang unggul dan terbaik. Semoga segala usaha-usaha yang telah dirancang akan terus dirahmati dan diberkati olehNya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini, merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MARA bagi tahun 2013.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.